

KEBERKESANAN STRATEGI PEMBELAJARAN PERIBAHASA BAHASA MELAYU MENGUNAKAN BAHAN MULTIMODAL

(The Effectiveness of Malay Language Proverb Learning Strategy Using Multimodal Material)

SHALINE SANMUGAM*

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
shalinesanmugam23@gmail.com

ALIZAH LAMBRI

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
alihaz@fbk.upsi.edu.my

Dihantar pada:

01 September 2021

Diterima pada:

01 November 2021

Koresponden:

shalinesanmugam23@gmail.com

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan strategi yang digunakan oleh guru dalam melaksanakan peribahasa di sekolah menggunakan bahan multimodal. Bahan multimodal dalam kajian dimaksudkan sebagai penggunaan elemen visual, auditori dan kinestetik dalam pengajaran dan pembelajaran peribahasa bahasa Melayu. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kes. Tiga teknik pengumpulan data telah digunakan, iaitu pemerhatian, temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen. Tiga orang guru Bahasa Melayu sekolah menengah terlibat sebagai peserta kajian utama, manakala murid di dalam kelas mereka turut dijadikan sebagai informan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat dua strategi yang digunakan oleh guru untuk mengajar peribahasa bahasa Melayu iaitu strategi berpusatkan guru dan strategi berpusatkan murid menggunakan bahan multimodal. Pendekatan PdP yang kerap digunakan oleh guru ialah pendekatan belajar sambil bermain dengan menggunakan bahan multimodal seperti bahan visual, auditori dan kinestetik. Kajian turut mendapati bahawa penggunaan bahan multimodal dalam PdP peribahasa bahasa Melayu dapat membantu mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif, menarik minat murid, mendorong murid untuk lebih fokus, berfikiran terbuka, kreatif, kritis dalam menyelesaikan masalah dan turut meningkatkan prestasi murid dalam menguasai peribahasa di dalam kelas. Kajian ini memberi implikasi terhadap pembelajaran murid, iaitu dapat mempengaruhi sikap, motivasi dan pencapaian mereka dalam pembelajaran bahasa Melayu, khususnya dalam aspek peribahasa, serta dapat mendorong guru bahasa Melayu untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka di sekolah bersesuaian dengan teknik PdP abad ke-21.

Kata Kunci: strategi, peribahasa Bahasa Melayu, pengajaran dan pembelajaran, bahan multimodal

Abstract: This study aims to examine the effectiveness of the strategy applied by the educators in teaching proverbs in school using the multimodal material. The multimodal material used in this research is the usage of visual, auditory and kinesthetic elements during the teaching and learning process of proverbs. This study is qualitative in nature using case study method. Three data collection techniques were used, namely observation, semi-structured interviews and document analysis. Three Malay language teachers involved as the main research subjects, while the students in their classrooms served as informants. The findings showed that there were two strategies used by the teachers to teach Malay proverbs using multimodal material element, and they were teacher-centered strategy and student-centered strategy. The TnL approach which is often used by the teachers is the approach of 'fun learning' using multimodal materials such as visual, auditory and kinesthetic materials. The study also found that the use of multimodal material in the TnL of Malay proverbs can help to create an active learning atmosphere, attract the students' attention on the lesson, encourage the students to be more focused, open-minded, creative and critical in solving problems and also improve students' level in mastering the proverbs in class. Overall, this study has significant effect on student's learning, which can affect their attitude, motivation and achievement in learning the Malay language, especially in the aspect of proverbs. It can also encourage the Malay language teachers to diversify their teaching methods in schools in accordance with the 21st century teaching and learning techniques.

Keywords: Strategy, Malay proverbs, teaching and learning, multimodal material

PENGENALAN

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017 bagi memenuhi dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (KPM 2013). Menurut KPM (2016b), kurikulum baharu berasaskan standard ini mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi yang didokumenkan sebagai Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Kajian ini sememangnya mempunyai pertalian yang kukuh dengan kurikulum kerana penerapan peribahasa dapat dilihat menerusi aspek seni bahasa dalam DSKP Bahasa Melayu.

DSKP Bahasa Melayu terdiri daripada lima kemahiran bahasa iaitu, kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran menulis, kemahiran membaca, aspek seni bahasa dan aspek tatabahasa. Aspek seni bahasa sebenarnya memberikan tumpuan kepada aspek kebahasaan dan kesusasteraan yang estetik, indah dan halus dalam bahasa Melayu yang perlu difahami dan dikuasai oleh murid. Penguasaan seni bahasa merangkumi kemahiran memahami dan mengapresiasi karya prosa dan puisi melalui pengajaran dan pembelajaran (PdP) Komponen Sastera (KOMSAS), serta penguasaan bahasa kiasan. Melalui seni bahasa, murid berpeluang untuk mencipta, menghasilkan dan mempersembahkan karya kreatif pelbagai genre melalui lisan dan penulisan dalam pelbagai teknik yang menarik. Oleh sebab kajian ini mendasari kurikulum bahasa Melayu, guru seharusnya berusaha untuk mendedahkan pelbagai teknik pengajaran peribahasa kepada murid.

Peribahasa merupakan elemen yang sangat penting khususnya bagi masyarakat Melayu untuk mengungkapkan minda, pemikiran dan juga akal budi. Peribahasa dapat dikategorikan kepada beberapa jenis iaitu, simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, dan kata-kata hikmat. Aminuddin (2018) menjelaskan peribahasa dalam bahasa Melayu ialah khazanah falsafah dan pemikiran bangsa Melayu yang mempunyai nilai kebijaksanaan dan juga kecerdikan. Hal ini menunjukkan bahawa peribahasa sangat penting bagi menentukan panduan dalam hidup seseorang di samping dapat dijadikan iktibar, pedoman dan juga pengajaran dalam kalangan masyarakat.

Kini, peribahasa semakin dilupakan dan tidak lagi dititikberatkan oleh golongan muda. Misalnya, dalam konteks pelaksanaan di sekolah, Sarimah (2014) menyatakan bahawa murid didapati tidak dapat meraih markah yang baik bagi komponen peribahasa dalam kertas peperiksaan. Pengajaran peribahasa juga memerlukan pelbagai strategi supaya murid tidak mudah bosan dan cepat memahami sesuatu maksud yang tersirat.

Oleh sebab pengajaran peribahasa semakin kurang dititikberatkan pada masa ini, kajian ini mengutarakan pengajaran yang menggunakan bahan multimodal harus diterapkan oleh guru dalam PdP. Antara elemen bahan multimodal terdiri daripada visual, auditori dan juga

kinestetik (VAK). Menurut Nor Ashikin (2012), visual membawa peranan yang penting dalam proses menyampaikan maklumat dan pengetahuan dalam komunikasi. Pendekatan visual ialah komunikasi untuk menerima dan mendapat maklumat yang disalurkan dalam proses PdP menggunakan visual atau deria mata. Menurut Norzuraina (2015) pendekatan visual berkaitan dengan bahan maujud seperti carta, slaid pembentangan, poster dan majalah dapat memberikan kefahaman yang jelas kepada murid.

Pendekatan auditori bererti murid belajar dengan cara mendengar. Pendekatan auditori ini lebih cenderung menggunakan pendengaran bagi mengingat apa yang diajar. Pendekatan yang digunakan ini akan menyebabkan murid mudah mengingat fakta yang diajar melalui deria pendengarannya. Pendekatan kinestetik ini dikatakan lebih berkesan kerana murid itu sendiri mengaplikasikan segala sesuatu yang diajar melalui penglihatan dan juga pendengaran. Dengan ini, murid akan dapat meningkatkan kefahaman dan dapat mengingat pelajaran yang diajar di dalam kelas.

Menurut Shahabuddin, Rohizani, dan Mohd Zohir (2003), sekiranya ketiga-tiga elemen ini digabungkan, maka pembelajaran yang kreatif, inovatif dan juga berkesan dapat diwujudkan dalam menyampaikan maklumat yang ingin disampaikan kepada murid. Dengan cara tersebut, murid lebih mudah dapat membuat perkaitan supaya pembelajaran mereka akan menjadi lebih bermakna.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian mengenai isu pendidikan seperti penguasaan peribahasa pernah dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Namun demikian kajian-kajian tersebut mengkaji peribahasa menggunakan pendekatan semantik inkuisitif, kaedah permainan dan mengkaji aspek leksikal dan makna peribahasa itu sendiri. Misalnya hasil dapatan kajian Mary Fatimah dan Mohd Ridzuan (2019) dalam kajian Analisis Semantik Inkuisitif Bahasa Melayu mendapati dengan penggabungan semantik inkuisitif ke dalam pengajaran peribahasa, pengkaji dapat mencungkil falsafah dan akal budi penutur jati di sebalik makna harfiah peribahasa tersebut dan menjadikan PdP peribahasa lebih bermakna.

Kajian Norul Haida (2016) menjelaskan bahawa Model VAK dipilih untuk mengajar KOMSAS kerana ia memerlukan strategi pengajaran yang efektif untuk memahami maksud tersurat sesuatu teks. Justeru, kajian menunjukkan gaya pembelajaran visual, auditori dan kinestetik (VAK) amat sesuai digunakan untuk memahami maksud tersurat dengan mudah dan kreatif. Kajian turut menunjukkan bahawa aplikasi Model VAK sangat penting dalam proses PdP KOMSAS bagi guru bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah, Bertitik tolak daripada kajian itu, pengkaji mendapati bahawa belum ada kajian yang mengupas tentang penggunaan Model VAK sepenuhnya dalam PdP peribahasa di sekolah menengah. Oleh hal yang demikian pengkaji

dalam kajian ini menggunakan elemen bahan multimodal seperti visual, kinestetik dan auditori dalam PdP peribahasa agar dapat membantu murid memahami maksud tersirat peribahasa dan membantu guru-guru dalam merancang PdP yang menarik dan sesuai di sekolah menengah.

Penguasaan peribahasa yang lemah dalam kalangan murid-murid masih menjadi isu utama dalam pendidikan. Hal ini demikian kerana menurut Laporan Ujian Penilaian Bahasa Melayu, SMKBM (2018), pengkaji mendapati bahawa tahap penguasaan murid dalam menjawab soalan-soalan peribahasa adalah lemah dan tidak memuaskan. Laporan turut menunjukkan bahawa seramai 63 peratus murid tidak berjaya untuk menjawab kesemua soalan peribahasa tersebut. Kajian Zanariah (2016) menyatakan bahawa sebahagian besar murid di sekolah menghadapi masalah menggunakan peribahasa yang sesuai mengikut konteks, sama ada dalam penulisan mahupun menjawab soalan PT3 dan SPM. Pengetahuan makna peribahasa dalam kalangan murid yang berada pada tahap sederhana dan lemah, bukan sahaja menyukarkan mereka untuk memahami maksud peribahasa malah turut menghalang murid daripada menggunakan peribahasa dalam aktiviti pembelajaran bahasa bagi meningkatkan keterampilan berbahasa mereka.

Kajian Zaitul Azma dan Ahmad Fuad (2010) mendapati penguasaan peribahasa dalam kalangan murid tingkatan tiga menunjukkan prestasi yang amat lemah. Kemerosotan prestasi murid dalam penguasaan peribahasa adalah disebabkan kerana bahan pengajaran yang digunakan oleh guru semasa PdP adalah kaku, tidak mencabar dan amat membosankan. Mohd Ridzuan (2019) menjelaskan kebanyakan daripada murid dapat menguasai ungkapan-ungkapan peribahasa dan maknanya dengan baik. Oleh itu, strategi PdP peribahasa yang betul perlu dikaji dan dijadikan amalan supaya proses pembelajaran peribahasa menjadi lebih bermakna.

Pernyataan masalah yang kedua ialah kaedah pengajaran guru di dalam kelas. Peribahasa merupakan elemen penting yang turut dibincangkan dalam DSKP bahasa Melayu. Pelbagai kaedah pengajaran diterapkan oleh guru dalam PdP bahasa Melayu, namun didapati bahawa kebanyakan guru masih lagi menggunakan kaedah pengajaran secara konvensional. Berdasarkan penelitian Rancangan Pengajaran Harian (RPH) didapati guru lebih banyak mempraktikkan pengajaran secara konvensional di dalam kelas berbanding pengajaran yang berpusatkan murid. Kajian Mary Fatimah dan Mohd Ridzuan (2019) menyatakan bahawa penggunaan kaedah konvensional seperti mengajar topik peribahasa dengan hanya mengkaji makna sahaja tidak dapat membina pengetahuan murid secara mendalam dan menyeluruh. Oleh hal yang demikian murid seharusnya tidak digalakkan untuk menghafal peribahasa dan maknanya semata-mata.

Seterusnya, meskipun terdapat guru yang mengajarkan peribahasa menggunakan elemen visual, namun ketidakpelbagaian cara dan bahan pengajaran di

dalam kelas mendorong murid menjadi tidak berminat untuk mengikuti PdP yang dilaksanakan. Misalnya, kajian Mohd Ridzuan (2017) telah memperlihatkan penguasaan peribahasa dan makna menggunakan PISATUM, iaitu kad imbasan. Hasil kajian menunjukkan kesan yang positif terhadap penguasaan peribahasa dalam kalangan murid. Oleh hal yang demikian kajian ini ingin melihat pelaksanaan pengajaran peribahasa menggunakan tiga elemen bahan multimodal, iaitu visual, auditori dan kinestetik (VAK).

OBJEKTIF KAJIAN

Secara am, kajian ini bertujuan untuk melihat pelaksanaan PdP peribahasa Bahasa Melayu menggunakan bahan multimodal di sekolah menengah. Secara khusus objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengetahui pasti keberkesanan strategi yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan pengajaran peribahasa di sekolah.

KAJIAN BERKAITAN PERIBAHASA

Kajian Marriane Tang, Nur Farakhanna, Noor Syamshida dan Norfaizah (2021) menjelaskan analisis kefahaman makna peribahasa dalam kalangan murid berdasarkan Teori Relevans. Data kajian ini diperoleh melalui keadah kepustakaan dan pemerhatian dengan bantuan ujian bertulis dan buku catatan. Seramai 30 orang murid Tingkatan 1 yang terdiri daripada bangsa Melayu, Cina dan India telah dipilih sebagai informan kajian. Kajian ini telah dilaksanakan di SMK Pendamaran Jaya Pelabuhan Klang, Selangor. Dapatan kajian ini telah dianalisis berdasarkan Teori Relevans. Hasil kajian menunjukkan tahap kefahaman murid terhadap makna tiga jenis peribahasa Melayu, iaitu (i) *'bagai menatang minyak yang penuh'*, (ii) *'harapkan pagar, pagar makan padi'*, dan (iii) *'bagai melepaskan batuk di tangga'* adalah tinggi.

Namun, terdapat juga guru yang sukar untuk menjelaskan makna ketiga-tiga peribahasa tersebut. Hasil kajian menunjukkan faktor psikologi, persekitaran fizikal, andaian dan pengalaman peribadi menjadi faktor utama oleh murid menanggapi makna ketiga-tiga peribahasa tersebut. Implikasinya, kajian tersebut dapat menengahkan faktor-faktor yang mendorong murid-murid mentafsir makna peribahasa yang terdapat dalam bahasa Melayu berdasarkan aplikasi Teori Relevans. Bagi mengisi jurang dalam kajian, Teori Kecerdasan Pelbagai telah dijadikan sebagai teori asas dalam kajian ini bagi memperlihatkan tahap penguasaan murid-murid dalam pelaksanaan PdP peribahasa di sekolah menengah.

Kajian Mohd Ridzuan (2017) telah dijalankan untuk mengkaji *"Penguasaan Peribahasa dan Makna menggunakan PISATUM: Satu Kajian Tindakan"*. Model permainan pendidikan ini direka berdasarkan keprihatinan terhadap masalah yang dihadapi oleh murid-murid dalam menguasai peribahasa. Hasil daripada pemerhatian di dalam kelas, murid-murid

didapati amat lemah dalam menguasai peribahasa walaupun telah diajar kepada mereka sejak di bangku sekolah rendah. Kajian ini menunjukkan faktor ketidakberkesanan strategi PdP menjadi punca murid memperoleh markah lemah. Guru merupakan faktor semula jadi yang penting dalam mempengaruhi situasi PdP. Oleh itu, berlandaskan konsep pembelajaran koperatif, sebuah model permainan pendidikan yang diinovasikan daripada permainan kad imbas diperkenalkan agar murid-murid dapat belajar peribahasa melalui cara baharu. Teknik pengumpulan data yang telah digunakan dalam kajian ini adalah pemerhatian, ujian pra dan ujian pos. Selain dapat meningkatkan penguasaan murid dalam topik peribahasa, hasil kajian menunjukkan penggunaan model permainan pendidikan ini di dalam kelas menunjukkan murid-murid juga boleh belajar sambil bermain. Permainan bahasa ini menjadikan suasana PdP lebih menyeronokkan dan yang paling penting ia merupakan kaedah pembelajaran yang lebih berkesan. Kajian ini menunjukkan persamaan dapatan dengan kajian pengkaji bahawa kaedah pengajaran yang sesuai dan inovasi dalam PdP mendorong pembelajaran yang aktif dan mewujudkan susasana pembelajaran yang menyeronokkan di dalam kelas.

Kajian penerapan Teori Kecerdasan Pelbagai dalam pengajaran jenis-jenis ayat yang telah dilaksanakan oleh Siti Raihanni (2014) menjelaskan bahawa murid didapati kurang berminat untuk mempelajari aspek bahasa yang berkaitan dengan jenis-jenis ayat. Hal ini demikian kerana mereka menganggap murid ini amat membosankan untuk dipelajari. Bagi mengatasi masalah ini, satu kajian yang meneliti keberkesanan penerapan Teori Kecerdasan Pelbagai dalam pelajaran jenis-jenis ayat telah dijalankan. Strategi penerapan kelapan-lapan kecerdasan, iaitu visual-linguistik, logik-matematik, visual-ruang, kinestetik, muzik, interpersonal, intrapersonal dan naturalis dalam pemilihan bahan dan aktiviti yang dijalankan sewaktu kajian pengajaran digunakan. Data yang bersifat kualitatif dikumpulkan melalui pemerhatian terhadap murid sewaktu pelajaran dijalankan. Respons serta gerak geri murid dicatatkan, dirakam dan kemudian dibincangkan. Maklum balas murid dan juga pemerhatian mereka turut dinilai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penerapan Teori Kecerdasan Pelbagai dalam pengajaran jenis-jenis ayat dapat meningkatkan keyakinan, kreativiti dan motivasi murid melalui PdP yang menyeronokkan. Kajian ini menunjukkan persamaan dengan kajian Siti Raihanni (2014) daripada aspek dapatan kajian dan penggunaan teori, iaitu Teori Kecerdasan Pelbagai, namun kajian ini menekankan penggunaan Teori Kecerdasan Pelbagai dalam PdP peribahasa. Selain itu, kajian ini mengutamakan tiga kecerdasan, iaitu visual, auditori dan kinestetik (VAK).

METODOLOGI

Kajian ini merupakan sebuah kajian kes berbentuk kualitatif. Menurut Ghazali dan Sufean (2021), kajian kes adalah satu bentuk kajian yang melibatkan sesuatu kes atau sesebuah tempat yang tertentu atau khusus. Pengkaji memilih kajian kes kerana dapat melihat fenomena di sekolah dengan lebih dekat. Kajian ini dilakukan untuk melihat jurang yang terdapat dalam dapatan tinjauan awal PdP peribahasa. Tinjauan awal menunjukkan guru kerap menggunakan kaedah konvensional untuk mengajar PdP peribahasa di dalam kelas. Hal ini menunjukkan guru kurang mengetahui metode-metode yang lebih sesuai bagi menarik minat murid dalam mengikuti PdP peribahasa. Walaupun guru ada menggunakan elemen visual dalam PdP peribahasa, namun mereka hanya menggunakan aplikasi *Youtube* dan bahan PdP yang sedia ada di alam maya. Oleh itu, kajian kes sewajarnya perlu dilaksanakan bagi melihat pelaksanaan PdP peribahasa bahasa Melayu menggunakan bahan multimodal.

Peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini terdiri tiga orang guru Bahasa Melayu sekolah menengah yang dipilih secara bertujuan. Selain itu, seramai 80 orang murid turut menjadi sebagai informan dalam kajian ini bagi tujuan mendapatkan maklumat tambahan. Kajian ini telah dijalankan di sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) di negeri Selangor. Seterusnya, kajian peribahasa ini menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur, pemerhatian tidak turut serta dan analisis dokumen sebagai teknik pengumpulan data kajian. Dalam kajian ini, semua peserta kajian yang ditemu bual telah bersetuju untuk merekodkan perbualan mereka bagi tujuan pelaksanaan kajian ini. Rakaman temu bual dalam kajian ini menggunakan telefon pintar yang berjenama Samsung J7 melalui aplikasi *Voice Recorder*". Data yang diperolehi dianalisis mengikut tema yang dibentuk bagi menjawab soalan kajian yang dikemukakan.

DAPATAN KAJIAN

Strategi pembelajaran memainkan peranan utama dalam menjayakan keberkesanan PdP di dalam kelas. Bagi meneliti strategi pembelajaran guru, hasil kajian menunjukkan terdapat dua kaedah yang digunakan guru ketika menyampaikan sesi PdP bagi topik peribahasa, iaitu kaedah konvensional dan kaedah bahan multimodal. Pelaksanaan PdP menggunakan kaedah konvensional terdiri daripada beberapa faktor seperti kekangan masa kepada guru dan kurang kemahiran dalam membina bahan PdP yang menarik. Kajian turut mendapati guru menggunakan kaedah konvensional dalam PdP untuk lebih mendekati murid-murid di dalam kelas. Jadual 1 menunjukkan perincian data kajian daripada guru-guru bagi mengenal pasti faktor pemilihan strategi pembelajaran berpusatkan guru dalam PdP peribahasa Bahasa Melayu.

JADUAL 1: Faktor pemilihan strategi pembelajaran berpusatkan guru

Faktor Pemilihan Kaedah Konvensional	Catatan Temu bual Peserta Kajian
Kekangan masa	<p><i>Pengkaji: Bagaimana pula dengan strategi pengajaran cikgu dalam merancang PdP peribahasa?</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • PK1: Adakala, saya mengalami kekangan masa disebabkan tugas hakiki. Jadi berdasarkan situasi tersebut saya akan <i>just</i> menerangkan kepada murid peribahasa dan maksudnya. Tapi...maksud itu saya kaitkan dengan kehidupan seharian kita. Lepas itu, saya akan menjalankan sesi soal jawab bersama murid. Kalau mereka tak faham, saya akan jelaskan dengan lebih lanjut. Macam tu la biasanya. [Temu bual 1/ Peserta Kajian 1/2/46-49]
Kurang kemahiran dalam membina bahan pengajaran	<p><i>Pengkaji: Apakah kaedah atau cara yang cikgu biasanya gunakan untuk mengajar peribahasa?</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • PK 2: Untuk mengajar bahasa Melayu saya biasa gunakan kaedah papan putih dan kadang-kadang saya sediakan bahan mengajar. Contohnya kan.. kalau tatabahasa saya tulis nota di papan putih...biar murid salin dululah. Lepas tu, mengedarkan lembaran kerja kepada murid untuk buat latihan. [TB1/PK2/4/92-95] • PK2: Ajar peribahasa saya memang tak fokus jadi selitkan dengan mana-mana PdP la je.. Saya bincang macam tu je guna soalan, lepas tu jelaskan maksud.. Pernah sekali saya fotostat senarai peribahasa dan bagi kat murid... Jadi, murid tengok yang tu je.. [Temu Bual 1/Peserta Kajian 2/5/120]

Berdasarkan dapatan temu bual Jadual 1, pengkaji mendapati pelaksanaan PdP peribahasa di dalam kelas lebih berfokuskan kepada strategi pengajaran yang berpusatkan guru. Kini, kaedah papan putih dan penerangan semata-mata dianggap sebagai tidak relevan lagi kerana guru tidak mampu melahirkan rasa minat dalam diri murid untuk mengikuti PdP peribahasa di dalam kelas. Gambaran kasar bagi strategi ini seolah-olah guru memainkan peranan utama di hadapan kelas dan murid mendengar secara aktif di meja masing-masing. Namun demikian, kaedah ini tidak menggalakkan mereka untuk memberikan pendapat mereka sendiri walaupun murid tersebut mempunyai pengetahuan sedia ada dalam diri mereka. Kajian ini menunjukkan bahawa pemilihan strategi PdP guru yang tidak sesuai menjadi pendorong utama kepada pencapaian murid yang tidak memuaskan di sekolah dan menjejaskan pelibatan mereka di dalam kelas.

Di samping kaedah konvensional, guru Bahasa Melayu turut menggunakan bahan multimodal seperti elemen visual, auditori dan kinestetik (VAK) untuk meningkatkan penglibatan murid di dalam kelas. Kajian menunjukkan guru mengaplikasikan elemen-elemen bahan multimodal dalam setiap fasa pembelajaran.

Jadual 2 menunjukkan keberkesanan strategi pembelajaran berpusatkan murid dengan bahan multimodal dalam PdP peribahasa.

JADUAL 2: Keberkesanan bahan multimodal dalam PdP peribahasa

Faktor Pemilihan Bahan Multimodal	Catatan Temu bual Peserta Kajian
Menarik minat murid	<p><i>PK 1: Cikgu, akan menayangkan satu video yang ada kaitan dengan apa yang kamu belajar.. jadi lihat dengan teliti.. Boleh?</i></p> <p>P: Boleh</p> <ul style="list-style-type: none"> • Catatan Pemerhatian: PK1 menggunakan bahan visual seperti video pengajaran peribahasa (Lawak Budak Peribahasa) sebagai set induksi sebelum memulakan sesi PdP. PK1 meminta murid melihat dengan teliti video yang ditayangkan. [Pemerhatian 1/Peserta Kajian 1/1SAPH/5 Mac] • Guru memainkan video pengajaran dalam kehidupan dan murid-murid diminta untuk mengenal pasti peribahasa dalam video tersebut. [RPH 3/Peserta Kajian 2/12 APR/Bilik Baiduri] • PK2: Kelas minggu lepas saya ada ajar secara biasa dan juga ada guna video. Saya nampak lah... ada beza dari segi minat murid untuk jawab secara sukarela. [Temu Bual 2/Peserta Kajian 2/1/5-6]
Meningkatkan keyakinan dan tahap fokus murid	<ul style="list-style-type: none"> • P: Saya secara <i>personally</i> rasa yakin sangat untuk menjawab apabila ada gambar dan video. Ia membantu saya untuk berkongsi idea dengan rakan lain. [Pelajar22/Temu bual 3/3/65-66] • PK2: Contoh macam <i>last week</i>, saya ada guna lagu (Aku Cinta) untuk ajar kan. Memang saya boleh lihat mereka senyap dan dengar teliti apa yang disampaikan. So, saya pun macam rasa suka la sebab mereka berikan tumpuan yang baik dalam kelas tu... [Peserta Kajian 2/Temu bual 4/2/167-168] • PK 3: Selain itu, saya menggunakan kaedah ujian mendengar. Ujian mendengar ini saya ada sediakan audio tentang peribahasa. Cara ini betul-betul perlukan fokus yang tinggi untuk jawab soalan. [Temu Bual 3/Peserta Kajian 3/1/11-12] • Catatan Pemerhatian: Penggunaan audio membolehkan murid mengenali lebih banyak peribahasa. Murid mendengar teliti kepada kata kunci "bagai, seperti, bak dan umpama" untuk mengenal pasti peribahasa dengan mudah. [Pemerhatian 4/Peserta Kajian 1/1SAP/30Apr]
Pelibatan murid aktif dan terserlah	<ul style="list-style-type: none"> • PK2: Lakonan sangat menggalakkan pembelajaran yang aktif. sebabnya... hmm.. wujud banyak interaksi antara murid dengan murid. [Temu bual 3/Peserta Kajian 2/3/62-63] • P: Saya sangat suka kelas hari ini sebab tak pernah belajar guna teater boneka and patung puppet.. saya mesti boleh ingat sangat apa yang saya belajar hari ini. [Pelajar80/Temu Bual 3/3/64-66] • P: Kami macam bebas boleh bagi pandangan dalam kelas. Jawapan salah pun cikgu tak marah la... Cikgu betulkan

	dengan baik.. [Pelajar62/Temu bual 3/2/52-53]
Menggalakkan kemahiran belajar cara belajar	<p><i>Pengkaji: Ada tak apa-apa usaha yang cikgu ambil untuk meningkatkan kefahaman murid-murid dalam peribahasa?</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • PK3: Saya minta murid cari maklumat tambahan untuk kelas hadapan. Saya benarkan mereka rujuk sumber internet untuk keluar dengan idea yang manfaat. [Peserta Kajian 3/Temu bual 4/110-111] • P: Cikgu, selalu ingatkan untuk latih ambil nota dengan cepat. Tak cantik sangat pun takpe, asalkan kami faham apa yang kami belajar.[Pelajar21/Temu bual 2/ 3/171-172] • P: Fahamkan dulu apa yang cikgu ajar, lepas tu.. boleh kongsi apa yang belajar dengan kawan-kawan lain. [Pelajar17/Temu bual 3/1/ 98]

PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan strategi yang digunakan oleh guru dalam melaksanakan pengajaran peribahasa di sekolah iaitu strategi berpusatkan guru dan strategi berpusatkan murid dengan menggunakan bahan multimodal. Kajian mendapati guru menggunakan kaedah pengajaran konvensional atas faktor kekangan masa dan kurang kemahiran dalam membina bahan pengajaran sendiri. Di samping itu, kaedah konvensional turut diimplimentasikan dalam PdP harian agar guru dapat membantu murid lebih memahami isi pelajaran dengan lebih teliti. Dapatan kajian Ong Sze Chong, Zamri dan Mohd Izham (2017) didapati sejajar dengan kajian ini, iaitu guru menggunakan strategi berpusatkan guru kerana dapat mengoptimumkan PdP terutamanya dalam pengurusan masa di dalam bilik darjah

Menurut Zamri (2015), kepelbagaian dalam kaedah pengajaran akan menarik murid untuk turut serta dalam pengajaran dan mampu meningkatkan kefahaman dalam kalangan murid. Oleh itu, PdP berpusatkan murid perlu diberi keutamaan oleh guru bagi memastikan keberkesanan PdP dan dapat mencapai objektif yang dirancangkan. Oleh hal yang demikian walaupun guru menggunakan keadah konvensional, pengajaran peribahasa menggunakan bahan multimodal didapati lebih relevan dan wajar dilaksanakan bagi mewujudkan pembelajaran yang menarik.

Setelah meneliti data kajian, walaupun pengajaran secara konvensional masih lagi dilaksanakan, guru lebih berusaha untuk menekankan PdP yang bercorak dua hala. Bagi mewujudkan pembelajaran yang menarik dan berkesan, guru mengaplikasikan elemen bahan multimodal seperti visual, auditori dan kinestetik (VAK). Hasil dapatan kajian temu bual dan pemerhatian mendapati proses PdP pada peringkat perkembangan lebih berorientasikan kepada strategi pembelajaran berpusatkan murid. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Kamarul Azmi dan Norhafizah (2013) di mana murid bukan sahaja bergantung kepada

pengajaran guru tetapi juga boleh menjana idea sendiri bagaimana untuk menyelesaikan masalah yang diberi.

Kajian menunjukkan penggunaan visual seperti animasi, video dan gambar telah menarik minat murid untuk mengikuti PdP peribahasa. Penggunaan bahan visual telah mempengaruhi murid untuk melibatkan diri secara aktif di dalam kelas. Selain itu, mereka juga lebih yakin untuk menjawab dan memberikan pandangan di dalam kelas. Di samping menarik minat mereka, gambar dan video juga telah memberikan gambaran yang jelas dan telah memudahkan lagi murid untuk memahami isi pengajaran. Dapatan kajian ini menunjukkan persamaan dengan kajian Mohd Ridzuan (2017) dan Wan Hanim (2015) yang mendapati bahawa pembelajaran visual telah meningkatkan penguasaan dan kefahaman murid dalam topik pembelajaran. Kajian turut mendapati penggunaan kad imbas mendorong kepada suasana PdP yang lebih menyeronokkan dan lebih berkesan. Menurut Meor Ibrahim dan Assadah (2011) dalam kajiannya menyatakan bahawa bagi murid yang bersifat visual didapati mereka lebih senang mengingat sesuatu perkara apabila dikaitkan dengan bahan-bahan visual.

Selain visual, guru turut menggunakan bahan multimodal seperti audio dan lagu di dalam kelas untuk mewujudkan pembelajaran yang tidak membosankan. Penggunaan audio dalam pengajaran peribahasa memperlihatkan peningkatan dalam kepekaan murid di dalam kelas. Hal ini demikian kerana murid bertindak untuk memberikan lebih perhatian dalam kelas. Dapatan kajian Rini Lestari (2012) menunjukkan pembaharuan dalam kajian ini iaitu penggunaan unsur muzik melalui kaedah nyanyian adalah amat bertepatan untuk membantu murid meningkatkan daya ingatan mereka terhadap pelajaran. Kajian ini turut selari dengan pendapat Hamisan (2010), muzik dan nyanyian juga dapat memupuk minat belajar, prestasi dan kesediaan belajar, membina keseronokan mengikut mood dan keadaan, dan menambah baik hasil kerja serta daya ingatan murid. Kajian Naughton dan Williams (2009) juga berpendapat bahawa teknik PdP yang kreatif seperti nyanyian, bercerita atau modeling sesuai digunakan untuk mewujudkan PdP yang berkesan

Menurut Abdul Rashid dan Hasmah (2013), kebanyakan guru mempunyai kebolehan semula jadi dan mampu mewujudkan kawalan bilik darjah yang baik dalam melaksanakan pembelajaran berpusatkan murid misalnya nyanyian, lakonan, belajar sambil bermain dan main peranan. Kajian ini mendapati bahawa guru menggunakan elemen kinestetik seperti lakonan dan simulasi dalam melaksanakan pengajaran peribahasa bahasa Melayu. Pengajaran peribahasa menggunakan elemen kinestetik memberikan kecenderungan kepada murid untuk berfikir secara terbuka dan berkongsi idea dengan kreatif. Pembelajaran berasaskan elemen multimodal, khususnya kinestetik mendorong pelajar yang lemah untuk melibatkan diri secara aktif di dalam kelas. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian Norul Haida,

Robe'ah dan Hidayah (2016), iaitu murid cemerlang lebih dominan menggunakan gaya pembelajaran visual dan auditori, manakala murid lemah pula lebih cenderung menggunakan gaya pembelajaran kinestetik. Dengan ini, murid lebih menonjolkan diri dalam kelas dan menggalakkan mereka untuk melibatkan diri sepanjang proses pembelajaran.

Kajian ini menjelaskan bahawa penggunaan bahan multimodal dalam PdP peribahasa bahasa Melayu telah memudahkan guru untuk menggalakkan murid supaya melibatkan diri dalam sesi pembelajaran. Penglibatan murid dalam PdP sememangnya mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif. Kaedah pengajaran ini mempengaruhi murid untuk merangsang idea dan menjawab pertanyaan guru. Berdasarkan pemerhatian yang dilaksanakan pengkaji mendapati murid kekal ceria dan seronok sepanjang proses PdP. Selain itu, motivasi dan minat mereka untuk mengikuti pembelajaran meningkat dengan adanya pembelajaran berasaskan bahan multimodal.

Dapatan kajian Mohd Ridzuan (2017) menunjukkan persamaan dengan kajian ini, iaitu kaedah pengajaran yang sesuai dan inovasi dalam PdP mendorong pembelajaran yang aktif dan mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan di dalam kelas. Dalam hal ini, inisiatif guru dalam mengaplikasikan elemen bahan multimodal dalam PdP peribahasa selain kaedah tradisional telah membantu murid untuk mengelakkan rasa mengantuk dan kurang minat semasa mengikuti PdP.

KESIMPULAN

Bagi mendepani generasi abad ke-21, anjakan kepada proses penyampaian perlu dilakukan guru. PAK21 merupakan manifestasi perkembangan teknologi siber dan akses kepada internet yang semakin maju dan terbuka. Justeru, kaedah konvensional tidak harus menjadi kaedah pengajaran tunggal dalam penyampaian, sebaliknya ia perlu berintegrasi dengan teknologi terkini. Susulan daripada penutupan semua sekolah di Malaysia sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat COVID-19, guru-guru digalakkan untuk menggunakan pelbagai platform pembelajaran yang bersesuaian secara dalam talian.

Dengan ini, pembelajaran berasaskan bahan multimodal sewajarnya perlu diterapkan dalam PdPR agar dapat meningkatkan motivasi murid untuk melibatkan diri dalam pembelajaran jarak jauh sekali gus mencapai objektif PdP yang ditetapkan. Oleh itu, PdP menggunakan bahan multimodal yang melibatkan kaedah bermain wajar diaplikasikan melalui video interaktif atau kuiz animasi secara dalam talian agar dapat membantu guru menarik minat murid terus melibatkan diri secara aktif dalam sesi PdP tersebut.

RUJUKAN

Abdul Rashid Jamian & Hasmah Ismail. (2013). Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam

pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3, (2), 49-63.

Aminuddin Mansor. (2018). Peribahasa khazanah falsafah bangsa Melayu. <https://www.utusan.com.my/pendidikan/sastera/peribahasa-khazanah-falsafah-bangsa-Melayu> [23 Mac 2019]

Ghazali Darusalam & Sufean Hussin.(2021). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian. Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Hamisan Salim. (2010). Penggunaan muzik dalam pembelajaran dan pengajaran kerja amali kemahiran hidup sekolah rendah. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Kamarul Azmi Jasmi & Norhafizah Salleh (2013). Pendekatan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar dalam kecemerlangan guru cemerlang pendidikan Islam dan Guru di sekolah menengah: Satu kajian kes. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Islam. Anjuran Universiti Teknologi Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016b). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Tingkatan 2*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar.

Mary Fatimah Subet & Mohd Ridzuan Md. Nasir. (2019). Analisis semantik inkuisitif peribahasa bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16, (2), 227-253.

Marriane Tang Nguik Hong, Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Noor Syamshida Masa & Norfaizah Abdul Jobar (2021). Analisis kefahaman makna peribahasa dalam kalangan murid berdasarkan Teori Relevans. *Jurnal Linguistik*, 25 (1), 1-20.

Meor Ibrahim Kamarudin & Assadah Mohamad. (2011). Kajian gaya pembelajaran dalam kalangan Pelajar UTM. *Journal of Education Psychology and Counseling*, 2, 51-77

Mohd Ridzuan Md. Nasir. (2017). Penguasaan peribahasa dan makna menggunakan PISATUM: Satu kajian tindakan. Seminar Antarabangsa Pedagogi Kali Ke-8 (PedA8). Anjuran Universiti Malaysia Sarawak pada 19 September.

Mohd Ridzuan Md. Nasir. (2019). Semantik Inkuisitif dan Penggabungjalinnannya dengan Pendidikan Melalui Kaedah Pengajaran Peribahasa Melayu. Tesis Sarjana. Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

Naughton, G.M. & William, G. (2009). *Teaching Young Children. 2nd Edition*. Australia: Open University Press.

Nor Ashikin Alias. (2012). Pembangunan laman web sains prasekolah berdasarkan pendekatan visual dinamik. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

- Norul Haida Reduzan, Robe'ah Yusuf, & Hidayah Hasim. (2016). Aplikasi Model VAK dalam Gaya Pengajaran dan Pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu. <https://pdfslide.net/documents/aplikasi-model-vak-dalam-gaya-pengajaran-dan-pembelajaran-html> [11 Ogos 2019]
- Norzuraina Mohd Nor. (2015). Pendekatan visual untuk meningkatkan kreativiti murid cacat pendengaran dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Tesis Sarjana. Fakulti Seni Komputeran dan Industri Kreatif. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rini Lestari. (2012). Nyanyian sebagai metode pendidikan karakter pada anak. *Prosiding Seminar Nasional Psikologi Islami*, hlm. 131-136.. Surakarta.
- Sarimah Ahmad. (2014). Pembelajaran peribahasa melalui aplikasi aurasma. <https://pdfslide.tips/documents/pembelajaran-peribahasa-melalui-aplikasi-aurasma-ilmu-latihan-buku-teks.html> [23 Februari 2020]
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub & Mohd Zohir Ahmad. (2003). *Pedagogi, Strategi dan Metode Mengajar Dengan Berkesan*. Bentong: PTS Publishing & Distributor Sdn Bhd.
- Siti Raihanni Selamat. (2014). Kajian pengajaran: Penerapan Teori Kecerdasan Pelbagai dalam pengajaran jenis-jenis ayat. https://academy_of_singaporeteachers.moe.edu.sg/docs/librariesprovide/r6/regional-conferences/52_kajian_pengajaran_penerapan_teor_i_kecerdasan_pelbagai_dalam_pengajaran_jenis-jenis_ayat.pdf [16 Januari 2019]
- Ong Sze Chong, Zamri Mahamod & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2017). Meneroka kaedah pengajaran guru cemerlang Bahasa Melayu negeri Sarawak: Satu kajian kes. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7 (1), 93-108.
- Wan Hanim Nadrah Muda. (2015). Kesan kaedah pembelajaran visual dalam usaha meningkatkan kefahaman pelajar bagi subjek Matematik II. *Latihan Ilmiah*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2010). *Penelitian Makna dan Nilai*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Zamri Mahamod. (2015). *Strategi Pembelajaran: Inventori Cara Belajar Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zanariah Abdol. (2016). *Peribahasa WATAFA. Edisi Keempat*. Selangor: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.